



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 68
No. 8

9hb April 2015

TAMBAHAN
No. 1

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976
(Akta 172)

TOWN AND COUNTRY PLANNING ACT 1976
(Act 172)

No. 1301.

PEMBERITAHUAN PERSETUJUAN PIHAK BERKUASA NEGERI KEPADA DRAFT
RANCANGAN TEMPATAN
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG (PENGUBAHAN 2) 2020

NOTIFICATION OF STATE AUTHORITY'S ASSENT TO THE
DRAFT OF LOCAL PLAN
(KAJANG MUNICIPAL COUNCIL) (ALTERATION 2) 2020

Menurut subseksyen 15(4) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172], dengan ini adalah diberitahu bahawa Pihak Berkuasa Negeri Selangor telah memberi persetujuannya pada 7 Januari 2015 kepada:

Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kajang (Pengubahan 2) 2020.

2. Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kajang (Pengubahan 2) 2020 itu sekarang dikenali sebagai Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kajang (Pengubahan 2) 2020 dan boleh diperiksa di Majlis Perbandaran Kajang dalam waktu pejabat.

Bertarikh 18 Mac 2015
[MPKj/AM/PBD/27-2007 Jld. 4;
P.U. Sel. (ADV) PS 05/4/7]

MOHD SAYUTHI BIN BAKAR
Yang DiPertua
Majlis Perbandaran Kajang

Pursuant to subsection 15(4) of the Town and Country Planning Act 1976 [Act 172], it is notified that the State Authority of Selangor has given its assent on 7 January 2015 to the:

Draf of Kajang Municipal Council (Alteration 2) Local Plan 2020.

2. The Draft of Kajang Municipal Council (Alteration 2) Local Plan 2020 is now identified as the Kajang Municipal Council (Alteration 2) Local Plan 2020 and may be inspected at the Kajang Municipal Council during office hours.

Dated 18 March 2015
[MPKj/AM/PBD/27-2007 Jld. 4;
P.U. Sel. (ADV) PS 05/4/7]

MOHD SAYUTHI BIN BAKAR
President
Kajang Municipal Council

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

No. 1302.

[Perenggan 261(1)(c)]

SAMAN

Di Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor, dalam Negeri Selangor.

DI ANTARA

PUBLIC ISLAMIC BANK BERHAD

Pemegang Gadaian

DAN

SAMASIVAM A/L BATUMALAI

Penggadai

Kepada Samasivam a/l Batumalai yang beralamat di 40 Jalan Rawang, Kg. Asahan, 45600 Batang Berjuntai dan/atau 10 Jalan 7/3, Taman Sri Cahaya, 45600 Batang Berjuntai.

Ambil perhatian bahwasanya Pemegang Gadaian ke atas tanah/tanah-tanah yang tersebut di dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara 1965 supaya Perintah Jualan dikeluarkan ke atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan Pemegang Gadaian akan diadakan di Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor pada hari Khamis 23 April 2015 jam 10.00 pagi. Tuan/Puan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan Perintah Jualan Dikeluarkan ke atas tanah/tanah-tanah tersebut di bawah seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965.

WARTA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

9hb April 2015]

1067

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Bestari Jaya. No. Lot—2298. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 491. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 582/2008. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 18 Mac 2015
[PTKS. 1C/7/2015]

*Pentadbir Tanah
Kuala Selangor*

No. 1303.

[Perenggan 261(1)(c)]

SAMAN

Di Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor, dalam Negeri Selangor.

DI ANTARA

CIMB BANK BERHAD

Pemegang Gadaian

DAN

JAMIN BIN BERO

Penggadai

Kepada Jamin bin Bero yang beralamat di 23 Jalan 1, Rumah Murah PKNS Jeram 2, 45800 Jeram dan/atau 23 Jalan Satu, Rumah Murah PKNS Jeram 2, 45800 Jeram.

Ambil perhatian bahwasanya Pemegang Gadaian ke atas tanah/tanah-tanah yang tersebut di dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara 1965 supaya Perintah Jualan dikeluarkan ke atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan Pemegang Gadaian akan diadakan di Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor pada hari Khamis 23 April 2015 jam 10.00 pagi. Tuan/Puan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan Perintah Jualan Dikeluarkan ke atas tanah/tanah-tanah tersebut di bawah seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Jeram. No. Lot—4349. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 367. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1037/1996, Jilid 103, Folio 14. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 18 Mac 2015
[PTKS. 1C/8/2015]

*Pentadbir Tanah
Kuala Selangor*

WARTA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

1068

[9hb April 2015]

No. 1304.

[Perenggan 261(1)(c)]

SAMAN

Di Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor, dalam Negeri Selangor.

DI ANTARA

PUBLIC BANK BERHAD

Pemegang Gadaian

DAN

LI SIN HUA DAN LAM LAI YIN

Penggadai-penggadai

Kepada Li Sin Hua dan Lam Lai Yin yang beralamat di 17 Jalan 4, Taman Sungai Sembilang, 45800 Jeram.

Ambil perhatian bahawasanya Pemegang Gadaian ke atas tanah/tanah-tanah yang tersebut di dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara 1965 supaya Perintah Jualan dikeluarkan ke atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan Pemegang Gadaian akan diadakan di Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor pada hari Khamis 23 April 2015 jam 10.00 pagi. Tuan/Puan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan Perintah Jualan Dikeluarkan ke atas tanah/tanah-tanah tersebut di bawah seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Jeram. No. Lot—5198. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 3315. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 298/1999, Jilid 115, Folio 85. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 18 Mac 2015
[PTKS. 1C/9/2015]

*Pentadbir Tanah
Kuala Selangor*

No. 1305.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Khairul Azam bin Saroni, Penolong Pentadbir Tanah (Pendaftaran), pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelongan awam, yang akan diadakan pada 30-4-2015, jam 10.00 pagi di Pejabat Daerah/Tanah Sepang; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM590,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Sembilan Puluh Ribu sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada Hong Leong Bank Berhad pada tarikh ini 18-12-2014 ialah RM5,249,281.56.
 3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM59,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sembilan Ribu sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 30-8-2015 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Dengkil. No. Lot—2155. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1839. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 3321/2013. Tarikh 25-10-2013.

Bertarikh 20 Mac 2015
[PDS(T) 6/PJ/D/36-14]

KHAIRUL AZAM BIN SARONI
Penolong Pentadbir Tanah (Pendaftaran)
b.p. Pentadbir Tanah
Sepang

No. 1306.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohamad Marwan bin Ahmad Tajuri, Pentadbir Tanah Daerah Sabak Bernam, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelongan awam, yang akan diadakan pada hari Khamis bertarikh 30 April 2015 jam 11.00 pagi bertempat di Ruang Legar, Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam, Selangor; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM80,000.00 (Ringgit Malaysia: Lapan Puluh Ribu sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM580,209.83 bagi hutang termasuk kadar faedah hingga 18 Disember 2014. Nama Pemegang Gadaian: Hong Leong Bank Berhad, 16th Floor, Menara Raja Laut, 288 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas ialah RM8,000.00 (Ringgit Malaysia: Lapan Ribu sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;

- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan dan tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim/Pekan—Pancang Bedena. No. Lot—20711 (P.T. 656). Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 3981 (H.S.(M) 1553). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 409/1986, Jilid 32, Folio 25 dan No. Perserahan 410/1986, Jilid 32, Folio 26.

Bertarikh 31 Mac 2015 MOHAMAD MARWAN BIN AHMAD TAJURI
 [PTSB. 6/6/21/2014] *Penolong Pegawai Daerah (Pendaftaran Geran)*
b.p. Pentadbir Tanah
Sabak Bernam

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

No. 1307.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Permohonan Pengambilan Tanah di bawah Seksyen 3(1)(b) Akta Pengambilan Tanah 1960 untuk Tujuan Jalan Keluar Masuk 66 Kaki ke Tapak Projek Pembangunan Perumahan di atas P.T. 33976, Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor.

Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

WARTA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

1072

[9hb April 2015]

JADUAL

Daerah—Gombak. Mukim—Rawang.

| Bil. | No. Lot Ukur | Hakmilik atau Pendudukan | Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan | Keluasan Lot | Lebih Kurang Luas yang akan Diambil |
|------|-----------------|--------------------------------|---|-----------------|--|
| | | H.S.(M) | | Ekar | Ekar |
| 1. | P.T. 26267 | 9328 | Chai Lee Ping | 1.7 | 0.473 |
| 2. | P.T. 26270 | 9330 | Wu Chi Loong dan Wu Tuan Chiang | 2 | 0.213 |

Bertarikh 23 Mac 2015
[PTG.Sulit. 8/2/6/2012]

DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA
*Pengarah Negeri
Selangor*

No. 1308.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Tujuan Pelebaran Jalan 50 Kaki ke atas sebahagian Lot 2388 dan Lot 2387 ke Tapak Projek Perumahan di atas Lot 1311.

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah dan kawasan itu.

JADUAL

Daerah—Hulu Langat. Mukim—Kajang.

| No. Lot Ukur | Hakmilik atau Pendudukan | Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan | Keluasan Lot | Lebih Kurang Luas yang akan Diambil |
|-----------------|--------------------------------|---|-----------------|--|
| | | G.M. | Meter Persegi | Meter Persegi |
| 2388 | 958 | Joan Culas 1/1 bhg. (sbg. Pentadbir) | 3,880 | 150 |
| 2387 | — | Pesuruhjaya Tanah Persekutuan | 37,356 | 6 |

Bertarikh 23 Mac 2015
[PTD.HL(T) 600-7/3/4-2014]

DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA
*Pengarah Tanah dan Galian
Selangor*

No. 1309.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

PEMBETULAN

Dalam Jadual kepada *Warta Kerajaan Negeri Selangor*, No. 128/1.1.2015 yang disiarkan pada 1 Januari 2015, terdapat pembetulan dari segi keluasan dan hakmilik seperti berikut:

| Bil. | No. Hakmilik Lama/Keluasan | No. Hakmilik Baru/Keluasan |
|------|--|---|
| 1. | P.T. 9011 H.S.(D) 80906 Majlis Perbandaran Selayang 18.0972 hektar (luas lot) 4.5446 hektar (luas yang diambil) | P.T. 9011 H.S.(D) 80906 Unggul Tangkas Sdn. Bhd. 0.3804 hektar (luas lot) 0.0766 hektar (luas yang diambil) |
| 2. | P.T. 9012 H.S.(D) 80907 Majlis Perbandaran Selayang, (kosong) (luas lot) (kosong) (luas lot) | P.T. 9012 H.S.(D) 80907 Unggul Tangkas Sdn. Bhd. 11.7601 hektar (luas lot) 3.4692 hektar (luas yang diambil) |

Pindaan ini hendaklah disifatkan telah berkuat kuasa pada 1 Januari 2015.

[PTG(S) 8/2/2014]

PEMBERITAHU LEWAT

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)

No. 1310.

PEMBERITAHUAN DI BAWAH PERENGGAN 11(*ca*)

NOTIFICATION UNDER PARAGRAPH 11(*ca*)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 11(*ca*) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri mengisyiharkan bahawa sempadan Mukim dan Daerah bagi Mukim Sepang Daerah Sepang seperti yang dinyatakan dalam Jadual diubah kepada sempadan baru yang ditandakan di atas Pelan *Warta* No. P.W. 1656 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Selangor mulai dari tarikh penyiaran pemberitahuan ini dalam *Warta*.

WARTA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

1074

[9hb April 2015]

In exercise of the powers conferred by paragraph 11(*ca*) of the National Land Code [*Act 56/1965*], the State Authority declares that the boundary of the Mukim and District of Mukim Sepang District of Sepang as stated in the Schedule is altered to the new boundary as alienated upon the *Gazette* Plan No. 1656 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Selangor with effect from the date of publication of this notification in the *Gazette*.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Sepang. Mukim/*Mukim*—Sepang. No. Pelan/*Plan* No.—P.W. 1656, Sempadan bergarisan tebal/*Boundary in the thick line*.

[PDS(T) 10/4/AM/2015/1; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3]

Bertarikh 7 April 2015

Dated 7 April 2015

ELYA MARINI BINTI DARMIN

Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor
Clerk of the State Executive Council of Selangor

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (*Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik*).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA